

Pentafsiran Baharu
FALSAFAH
PENDIDIKAN
KEBANGSAAN
dan Pelaksanaannya
Pasca 2020

Penyunting
Dzulkifli Abdul Razak
Rosnani Hashim



IIUM
Press

Pentafsiran Baharu
FALSAFAH
PENDIDIKAN
KEBANGSAAN
dan Pelaksanaannya
Pasca 2020

Penyunting
Dzulkifli Abdul Razak
Rosnani Hashim

R.f.



IUM
Press

Gombak • 2019

Cetakan Pertama, 2019

©IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM
(Malaysian Scholarly Publishing Council)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Pentafsiran Baharu FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN dan Pelaksanaannya
Pasca 2020 /

Penyunting: Dzulkifli Abdul Razak, Rosnani Hashim

ISBN 978-967-491-027-3

ISBN 978-967-491-028-0 (hardback)

1. Education--Philosophy--Malaysia.

2. Education--Malaysia.

3. Government publications--Malaysia.

I. Dzulkifli Abdul Razak. II. Rosnani Hashim.

III. Title.

370.109595

Diterbitkan oleh

IIUM Press

International Islamic University Malaysia

P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Cetakan di Malaysia oleh

Nazmi Maju Jaya

No.26, Jalan Suasa

Pekan Sungai Besi

57000 Kuala Lumpur.

PROF. DR. ROSNANI HASHIM

Director

Centre for Teaching Thinking

Kulliyah of Education

International Islamic University Malaysia

KANDUNGAN

<i>Pengenalan</i>	ix
<i>Pendahuluan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>	xv
<i>Pendahuluan oleh Menteri Pendidikan Malaysia YB Dr. Maszlee Malik</i>	xix
<i>Senarai Rajah</i>	xxvii
<i>Senarai Jadual</i>	xxix
TEMA I - KONSEP, SEJARAH DAN PERANAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	1
Bab 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Sejarah dan Matlamat <i>Wan Mohd Zahid Mohd Noordin</i>	3
Bab 2: Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai Wahana Global dan Antarabangsa <i>Dzulkifli Abdul Razak</i>	21
Bab 3: Aspek Kesejagatan dan Peradaban Falsafah Pendidikan Kebangsaan <i>Osman Bakar</i>	34
Bab 4: Kejayaan dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Membentuk Pendidikan dan Negara Bangsa di Malaysia <i>Sufean Hussin</i>	52
TEMA II - AMALAN DAN PENGALAMAN PENDIDIKAN BERSAMA FPK	71
Bab 5: Menilai Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Konteks Institusi Pendidikan Swasta Malaysia <i>Ibrahim Ahmad Bajunid</i>	73

Bab 6: Pendidikan Seimbang dan Harmonis: Pengalaman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia <i>Rosnani Hashim</i>	97
Bab 7: Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Pengalaman di Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi <i>Hayati Ismail</i>	118
TEMA III - CABARAN TERHADAP PENDIDIKAN PASCA 2020	137
Bab 8: Penyahjajahan Pengajian Tinggi: Ilmu Pengetahuan, Demokrasi dan Nilai <i>Budd L. Hall</i>	139
Bab 9: Autonomi Universiti dan Kewajipan Sosial <i>Hilligje Van't Land</i>	161
Bab 10: Avatar! Mendidik untuk Bertanggungjawab bagi Kesejahteraan Hidup antara Satu Sama Lain dan dengan Bumi <i>Betsan Martin</i>	172
Bab 11: Pengaruh Pendidikan Berasaskan Neoliberalisme dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan <i>Chang Da Wan</i>	192
TEMA IV - FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN CABARAN PENDIDIKAN MASYARAKAT MAJMUK	209
Bab 12: Pendidikan Nilai dalam Konteks Falsafah Pendidikan Negara: Refleksi Pelaksanaan di Sekolah-sekolah Malaysia <i>Amin Senin dan Roziah Abdullah</i>	211
Bab 13: Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan 'Sejahtera': Tapak Integrasi Masyarakat Majmuk di Malaysia <i>Sivamurugan Pandian</i>	222

Bab 14: Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai Penyelesaian Pendidikan Pelbagai Aliran di Malaysia <i>Teo Kok Seong</i>	242
TEMA V - FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN IMPAKNYA PADA PEMBANGUNAN SOSIAL	257
Bab 15: Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Impak pada Perkembangan Bahasa Malaysia <i>Awang Sariyan</i>	259
Bab 16: Kesusasteraan sebagai Alat Membina Manusia Bertamadun Menurut Ruh Falsafah Pendidikan Kebangsaan <i>Muhammad Salleh</i>	286
Bab 17: Persekitaran Budi sebagai Ilmu Kemanusiaan: Universiti dan Falsafah Mengenali Diri <i>Ahmad Murad Mohd Noor Merican</i>	300
TEMA VI - FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN PASCA 2020	311
Bab 18: Konsep <i>Al-Mizan</i> : Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kelestarian Pendidikan Tinggi <i>Azman Abdul Rahman</i>	313
Bab 19: Memacu Revolusi Industri 4.0 dan Merubah Masyarakat: Menangani Keperluan dan Cabaran dalam Konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan <i>Azidah Abu Ziden</i>	333
Bab 20: Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Insaniversiti <i>James Kennedy Campbell</i>	354
Bab 21: Hari Muka Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Adab, Akhlak, Limpahan Budi dan Sejahtera <i>Dzulkifli Abdul Razak</i>	370

<i>Lampiran</i>	383
1. <i>Resolusi Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai</i>	385
2. <i>Pengisytiharan Pengajian Tinggi Antarabangsa Menyokong Pelaksanaan Matlamat Kelestarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu</i>	395
3. <i>Falsafah Pendidikan Negara</i>	398
<i>Indeks</i>	405
<i>Senarai Penyumbang</i>	415

SENARAI PENYUMBANG

AHMAD MURAD MOHD NOOR MERICAN (Dato') ialah Profesor di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPris), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau mendalami bidang Kewartawanan, Sains Politik dan Komunikasi Massa di Institut Teknologi MARA dan Universiti Minnesota. Beliau memperolehi ijazah PhD dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains, dan pernah menjadi profesor pelawat di Univeritas Andalas, Sumatera Barat, serta Profesor Adjung di Akademi Seni, Budaya dan Warisan Negara (ASWARA). Beliau telah menghasilkan 12 buah buku, antaranya *In Other Words: Ideas on Journalism, Social Science and Society* (2017) dan *Views from Pulau Pinang: Countering Modern Orientalism and Policy Perspectives* (2018) (bersama penulis lain). Beliau ialah penyandang pertama Presiden Kehormat Resident Fellow, Yayasan Kepimpinan Perdana 2009 – 2011. Beliau juga merupakan kolumnis bagi akhbar *New Straits Times* dan *New Sunday Times* serta majalah *Dewan Masyarakat*, dan secara berkala menyumbang rencana kepada penerbitan bahasa Melayu seperti *Dewan Budaya*, dan akbar *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *Sinar Harian*. Pada awal tahun 1980-an, beliau bertugas sebagai wartawan di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

AMIN SENIN (Datuk) ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (2017-kini). Beliau ialah anak kelahiran Sabah dan telah berkhidmat selama 33 tahun dalam perkhidmatan awam. Beliau telah dipilih sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia berdasarkan kepimpinan, kelayakan, pengalaman dan kecekapan kepimpinannya. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam mengurus dan membangun sektor pendidikan berdasarkan pelbagai jawatan yang beliau pegang, termasuk sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Profesionalisme Pendidikan), Pengarah Institut Aminuddin Baki dan Timbalan Rektor Institut Latihan Guru Malaysia. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (Kepujian) dalam bidang Matematik dari Universiti Sains Malaysia; Ijazah Sarjana Sains dalam pembangunan sumber manusia dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah dalam perancangan dan pembangunan sumber manusia dari Universiti Malaysia Sabah.

AWANG SARIYAN (Datuk) ialah Profesor Pengajian Melayu di Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu (ISTAC), UIAM. Beliau ialah mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penyanggah Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di China. Pernah berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam, UPM, UPSI, UIAM dan UM, serta menjadi Profesor Tamu di Universiti Frankfurt, Jerman dan Perunding Seberang Laut Kementerian Pendidikan Singapura. Beliau telah menerbitkan lebih 60 judul buku bahasa, pendidikan, falsafah dan sastera, termasuk buku kumpulan puisi. Kertas kerjanya dibentangkan dalam forum, seminar dan persidangan di Australia, Belanda, Brunei Darussalam, Indonesia, Jerman, Korea, Selatan, Perancis, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Thailand, United Kingdom dan Malaysia.

AZIDAH ABU ZIDEN ialah Professor Madya di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia dan kini merupakan Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE). Beliau berkelulusan PhD dari Universiti Canterbury, New Zealand. Bidang kepakaran beliau ialah Rekabentuk Pengajaran, Teknologi Pendidikan, Multimedia dan TMK. Beliau telah menerima pelbagai anugerah, antaranya, University of Canterbury Research Award (2006), Anugerah *Most Innovative Content*, USM (2012), Anugerah Ketokohan USM (2017) dan Anugerah Akademik Negara bagi kategori Anugerah Pengajaran pada tahun 2017. Beliau juga telah menerima anugerah Pingat Emas untuk intervensi *Best Blended Learning Model #USMStyle* di Melbourne Convention Centre, Australia.

AZMAN ABDUL RAHMAN ialah Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), merangkap Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, (INFAD) USIM. Beliau berkelulusan Sarjana Muda daripada Universiti al-Bayt, Mafraq Jordan dalam bidang Fiqh dan Usul, kemudian memperoleh Sarjana dan Doktor Falsafah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan. Beliau mula berjinak dan bergiat aktif dalam bidang penyelidikan, penulisan, penerbitan, perundingan, latihan dan inovasi bermula dari tahun 2001. Beliau sangat aktif menyumbang rencana

untuk jurnal, prosiding, dan buku, khususnya dalam bidang zakat dan fiqh kontemporari selain penglibatan dalam pembentangan kertas kerja pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

CAMPBELL, JAMES memiliki dua ijazah kedoktoran, satu dalam bidang Pendidikan (Universiti Melbourne) dan satu lagi dalam bidang Politik (Universiti Latrobe). Beliau banyak menulis tentang pembaharuan Pengajian Tinggi di Malaysia dan sering diundang untuk berucap dalam persidangan di Asia Tenggara dan pernah menyumbang secara tetap dalam akhbar *New Straits Times* di Malaysia. Dia turut menyumbang tiga jilid bagi Siri The APEX Intellectual Discourse, Universiti Sains Malaysia (USM) dan menulis buku *Humaniversity: Remembering the moral soul of education* (Penerbit USIM, 2015). Kini James ialah perunding kanan bagi Asia Aware.

CHANG DA WAN ialah pensyarah kanan di Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, USM. Beliau memperoleh ijazah Ph D. dari Universiti Oxford dalam bidang Pengajian Tinggi. Sebelum itu beliau dilatih sebagai seorang ahli ekonomi di Universiti Malaya dan National University Singapore. Bidang penyelidikannya tertumpu kepada dasar dan amalan pengajian tinggi, khususnya di Malaysia dan di negara sedang membangun.

DZULKIFLI ABDUL RAZAK (Tan Sri) adalah Rektor ke-6 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Mantan Presiden International Association of Universities (IAU), yang bertermpat di UNESCO, Paris, selepas berkhidmat sebagai Presiden IAU yang ke-14 (2012-2016). Beliau dianugerahi Profesor Kehormat oleh University of Nottingham, dan Professor Emeritus oleh Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah USIM dan Timbalan Naib Canselor USM (2000-2011). Prof Dzulkifli ialah penerima medal Gilbert yang pertama dari Asia (2017) dan yang ke-7 daripada Universitas 21, iaitu kumpulan universiti penyelidikan daripada 16 buah negara. Beliau pernah menerima Anugerah Sumbangan kepada Masyarakat Asia HRD 2017 atas jasanya dalam pembangunan insan dalam dunia akademik. Karyanya yang terkini berjudul *Fourth Industrial Revolution*—

The Leadership Dilemma (2018). Bukunya, *Nurturing a Balance Person – The Leadership Challenge* (2015, 2017) memenangi Anugerah Buku Negara 2016, dan tersenarai dalam 50 Best Malaysian Titles for International Rights 2017-2018. Beliau menulis kolum mingguan selama 23 tahun bermula tahun 1995 untuk beberapa akhbar di Malaysia.

HALL, BUDD ialah Professor Pembangunan Masyarakat, Pengerusi Bersama, Kerusi UNESCO bagi Penyelidikan Berasaskan Masyarakat dan Tanggungjawab Sosial di Sekolah Pengajian Tinggi Pentadbiran Awam, University of Victoria, Kanada, dan Ketua bersama bagi Konsortium Knowledge for Change Global Consortium bagi Latihan Penyelidikan Berasaskan Komuniti. Beliau memperoleh PhD dalam bidang Pendidikan Perbandingan dan Antarabangsa daripada Universiti California Los Angeles (UCLA) pada tahun 1974. Beliau juga pernah menjadi Dekan, Fakulti Pendidikan di Universiti Victoria dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan antarabangsa. Selain itu, beliau juga ialah pakar runding, editor jurnal pendidikan dan juga penulis karya akademik.

HAYATI ISMAIL ialah pensyarah di Universiti Sains Malaysia, merangkap Pengarah Pusat Antarabangsa (USIM Alamiyyah). Beliau mempunyai pengalaman lebih 25 tahun sebagai pendidik dalam semua spektrum pendidikan pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, pendidikan guru serta siswazah. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada Universiti Warwick, United Kingdom pada tahun 2010 dan pernah bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Berbekalkan pengalaman ini dan kerja-kerja susulan dalam pelaksanaannya kini beliau diiktiraf sebagai pakar rujuk PPPM baik pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kini beliau menjadi kolumnis pendidikan untuk *Utusan Online* serta menjadi penulis jemputan bagi *Majalah Pendidik*.

IBRAHIM AHMAD BAJUNID (Dato') ialah Profesor Emeritus; Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia dan Presiden Majlis Pentadbiran dan Pengurusan Pendidikan Malaysia. Beliau pernah memegang jawatan

Timbalan Naib Canselor INTI-Laurate International University; Pengarah Pusat Serantau Perancangan Pendidikan UNESCO-UAE; Pengarah Institut Aminuddin Baki; Dekan Fakulti Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Tun Abdul Razak; Ahli Lembaga Pengarah beberapa buah Universiti dan Kolej; Felo Kanan Universiti Islam Malaysia; Presiden, Institut Sumber Manusia Malaysia; Distinguished Fellow Institute of Strategic and International Studies dan Felo Kehormat Majlis Pentadbiran dan Pengurusan Komanwel. Beliau ialah ahli Lembaga Editor *Journal of Educational Administration* serta Juri Anugerah Inovasi UNESCO-Wen Hui. Beliau juga ialah penulis kolum *As I Wander* dalam akhbar *New Straits Times* dan penerima anugerah *Hadiah Sastera Perdana Malaysia* 2014 dalam bidang Kritikan Literari/Esei. Terkini, beliau dilantik sebagai Pengerusi, Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Dasar-Dasar Pendidikan dari Prasekolah hingga ke Universiti (2019).

MARTIN, BETSAN ialah Presiden/Pengerusi Eksekutif, Alliance for Responsible Societies, Penyelaras Isu-Isu Umum bagi Gereja Methodist, dan ahli bersekutu Pusat Serantau UNU untuk Kepakaran Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (UNU Regional Centres of Expertise on Education for Sustainable Development). Beliau juga ialah Pengarah RESPONSE, sebuah pertubuhan yang bergiat dengan badan International Forum on Ethics Responsibility yang menfokus kepada Etika, Pertanggungjawaban dan Governan. Beliau telah bersama dengan International Forum sejak penubuhannya pada tahun 2004. RESPONSE bergiat aktif dalam aktiviti kerjasama bersama Maori dan penduduk asli di rantau Pasifik. Pengajian akademiknya, dalam bidang etika dan pertanggungjawaban memberikan tema yang bersepadu dalam semua karyanya dalam bidang sosial, ekonomi dan alam sekitar.

MUHAMMAD SALLEH ialah Profesor Emeritus yang berkhidmat di tiga buah universiti di Malaysia, di samping pernah dijemput mengajar di beberapa universiti di Amerika Syarikat, Brunei, Jerman dan Netherlands. Beliau menerima *fellowship* dari universiti Amerika Syarikat, Jepun dan Netherlands. Selain menerima beberapa hadiah/anugerah Malaysia dan antarabangsa, beliau diangkat sebagai Sasterawan Negara Malaysia pada

1991, dan Tokoh Akademik Negara pada 2008, sebagai pengiktirafan sumbangan kreatif dan akademik beliau yang luas. Beliau melibatkan diri dalam penulisan puisi dan pengkritikan, kajian sastera lama dan moden, terjemahan dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan penyebaran sastera Malaysia menyeberangi ke Asia, Eropah dan Amerika. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 50 buah buku.

OSMAN BAKAR (Datuk) kini bertugas sebagai Profesor Ulung dan Penyanggah Kursi Al-Ghazali dalam Pemikiran Islam di ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di samping menjadi Shaykh al-Kulliyahnya. Beliau ialah mantan Profesor Unggul dan Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASCIS) di Universiti Brunei Darussalam. Beliau juga merupakan Profesor Emeritus di Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya. Beliau telah menulis setakat ini 25 buah buku dan menyumbang-menyunting 11 buah buku serta menerbitkan lebih daripada 350 buah makalah dalam berbagai-bagai bidang berkaitan dengan peradaban Islam, khususnya sains Islam. Beberapa buah tulisannya telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Dua judul buku terbaru beliau ialah *Quranic Pictures of the Universe* (2016) dan *Al-Farabi: Life, Works and Significance* (2018).

ROSNANI HASHIM ialah Professor Ilmu Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Pengkajian Asas Sosial (Sejarah, Sosiologi dan Falsafah) Pendidikan dan Kurikulum. Beliau pernah mengajar dan menjadi Felo Penyelidik dan Profesor Pelawat di Jepun, Amerika Syarikat dan Syria. Beliau ialah penerima Japan Foundation Fellowship and Fulbright Direct Access to the Muslim World Fellowship. Beliau ialah mantan Dekan, Kulliyah Pendidikan UIAM, Pengerusi Lembaga Pengarah IIUM Lower Education Sdn Bhd. dan ahli jawatankuasa Kluster Pendidikan, Majlis Profesor Negara. Beliau pernah menjadi editor bagi *Jurnal Pendidikan Islam* dan Ketua Editor bagi *The IIUM Journal of Educational Studies*. Antara karyanya ialah *Educational Dualism in Malaysia; Critical Issues and Reform in Muslim Higher Education; History, Theory and Practice of Philosophy for Children* (2017) dan terkini, *Towards an Islamic Curriculum: Principles and Issues* (2018).

ROZIAH ABDULLAH ialah Timbalan Ketua Nazir Sekolah (Perancangan Penaziran), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Maklumat (UKM, 2005), Sarjana Pendidikan dalam bidang Teknologi Pendidikan (UM, 1998), dan Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (USM, 1986). Beliau pernah bertugas sebagai Pengarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (2015-2016) dan Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2008-2014). Beliau telah terlibat dalam menghasilkan buku: "*Menjana Modal Insan Kelas Pertama*" (2008), *Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA)* (Jun 2012) dan *Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak (PTPSPSS)*. Beliau turut bergiat aktif secara sukarela dalam persilatan dan telah dianugerahkan gelaran Srikandi Negara: Tokoh Persilatan Tun Teja.

SIVAMURUGAN PANDIAN ialah Profesor di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Antropologi & Sosiologi (Universiti Malaya), Ijazah Sarjana Politik dalam pengkhususan Antarabangsa (Universiti Aoyama Gakuin, Jepun) dan Ph.D. dalam bidang Sosiologi Politik (Universiti Malaya). Beliau juga ialah penerima ASEAN – Republic of Korea Academic Exchange Fellowship dan Sumitomo Foundation, Japan Foundation Fellowship. Beliau pernah menjadi Felo Pelawat di Universiti Tokyo; Seoul National University dan SungKyunKwan University. Beliau ialah mantan Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM dan menganggotai beberapa panel penasihat agensi dan kementerian kerajaan, terutama yang berkaitan dengan integrasi dan pendidikan, seperti Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan 2010-2013; dan dipilih menjadi Ikon Patriotik oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Penyelidikan beliau tertumpu kepada bidang kepimpinan, tingkah laku politik/pilihan raya, dan hubungan etnik. Antara karya beliau ialah *Legasi Mahathir; Patriotisme Malaysia; Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya; Managing Success in Unity; dan Hubungan Etnik Di Malaysia*.

SUFEAN HUSSIN (Datuk) ialah Profesor dan kini Naib Canselor Kolej Universiti Fairview, Kuala Lumpur. Beliau merupakan sarjana pendidikan yang terkenal khususnya dalam bidang dasar dan kepemimpinan pendidikan dan pendidikan tinggi. Beliau memperoleh Ph.D. daripada Universiti Oregon pada tahun 1994, dengan tesis berjudul *National Priorities and Higher Education in the USA, 1945-1990*. Beliau pernah berkhidmat di Universiti Malaya sebagai professor kanan selama 33 tahun, menyelia lebih daripada 20 orang pelajar PhD dan 130 orang pelajar sarjana dalam pengkhususan pengurusan pendidikan dan pendidikan tinggi. Beliau telah menulis lebih daripada 20 buah buku rujukan akademik, dan yang terakhir, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan* (Penerbit UM, 2017).

TEO KOK SEONG (Dato') ialah Profesor Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini beliau berkhidmat sebagai Felo Utama Bersama di Institut Kajian Etnik (KITA) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Sastera (Universiti Malaya), Sarjana Persuratan (UKM), Sarjana Sastera dan Ph.D (California, Berkeley). Oleh kerana kepakarannya, beliau telah dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa Bahasa Melayu, antaranya di Kementerian Pendidikan Malaysia dan menjadi ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Jawatankuasa Pakar Bahasa dan Persuratan Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Beliau dianugerahkan Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2012, Ikon Pejuang Bahasa 2015 dan Anugerah Bitara Bahasa Melayu 2018 (Kategori Akademia Bahasa Melayu) oleh UKM. Prof Teo dilantik sebagai panel penasihat di Akademi Kenegaraan dan Penasihat Kehormat kepada Yayasan Patriot Negara Malaysia. Prof. Teo ialah mantan Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Profesor Negara.

VAN'T LAND, HILLIGJE ialah Setiausaha Agung, International Association of Universities dan Pengarah Eksekutif, International Universities Bureau yang berpangkalan di Paris sejak September 2017. Beliau mempunyai Ph.D. dalam bidang Perbandingan Kesusasteraan Frankofon Kontemporari daripada Universiti Groningen, Netherlands

dan menjalankan penyelidikan pasca doktoral di Universiti Laval (Quebec) sebelum berpindah ke Perancis. Beliau menguasai enam bahasa dan telah menghasilkan beberapa penerbitan berkaitan pendidikan tinggi. Sebelum bertugas di IAU, beliau mengajar subjek Perbandingan Kesusasteraan Frankofon di Universiti Gronigen, Laval dan Avignon et les Pays du Vaucluse. Beliau memimpin Institut Universiti-Universiti Amerika di Avignon selama lima tahun. Sejak 1987 beliau aktif dalam bidang Pengajian Kanada.

WAN MOHD ZAHID MOHD NOORDIN (Tan Sri) memulakan kerjayanya sebagai guru dan kemudian sebagai pengetua di beberapa buah sekolah menengah. Beliau ialah mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (1993-1997) dan mantan Penasihat Tugas-tugas Khas kepada Menteri Pendidikan. Tan Sri memperoleh Ph.D. dalam bidang Sosiologi dan Pendidikan (California, Berkeley). Beliau juga telah menamatkan Advanced Management Programme daripada Harvard Business School. Tan Sri juga turut dilantik sebagai Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli lembaga pengarah beberapa buah syarikat seperti SP Setia, Permodalan Nasional Berhad dan Furukawa Sdn Bhd. Tan Sri juga merupakan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak dan mantan Pengerusi Badan Penasihat Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Pentafsiran Baharu FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN dan Pelaksanaannya Pasca 2020

Falsafah Pendidikan Negara (FPN), dan kemudiannya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sudah berusia tiga dekad. Dalam jangkamasa 30 tahun, dunia telah banyak berubah, sesetengahnya berpaksikan kepada perkembangan pesat pendidikan tempatan dan sejagat, dan sebaliknya didesak pula oleh pelbagai pihak, khususnya industri serta ideologi lain, ke atas dunia pendidikan. Faktor ini sudah cukup memberi isyarat bahawa pendidikan wajar dipandu dan dibimbing supaya ia tidak diheret ke sana ke sini hingga terkeluar daripada matlamat serta acuan kita sendiri. Ini sekali gus meletakkan keyakinan bahawa apa juga penilaiannya kelak, FPK masih relevan dan sesuai untuk abad ke-21 dalam melangsungkan agenda pendidikan negara dan sejagat. Malah ini adalah antara tujuan utama buku ini, iaitu untuk memberi FPK nafas baru sesuai dengan zaman dan keadaan semasa. Untuk tujuan ini beberapa orang penulis yang pakar dalam bidang masing-masing telah diundang khas agar dapat berkongsi ilmu serta pengalaman mereka dalam mengemudi FPK ke alam baru tanpa mengeneipkan sejarah, hikmah dan liku-liku yang dialami dalam membentuk dan mencorak FPK sebagai kerangka utama pendidikan negara.

ISBN: 978-967-491-028-0



9 789674 910280

IUM Press



(603) 6196 5014 / 5018



(603) 6196 6298



iiumbookshop@iium.edu.my



www.iumpress.iium.edu.my/bookshop/



www.facebook.com/iumpress



www.instagram.com/iumpress/

